



Dana RM2.66b jadikan KL bandar raya sejahtera

DBKL rangka Belanjawan 2024 penuhi 6 prinsip Malaysia MADANI

Oleh Suharmin Yusuf
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan dana RM2.66 bilion bagi menjayakan hasrat bandar raya sejahtera untuk semua menjelang 2030.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh, berkata Belanjawan DBKL 2024 dirangka selaras enam prinsip Malaysia MADANI iaitu kemampuan, kesejahteraan, berdaya cip-

ta, hormat, keyakinan dan ihsan.

“Keseluruhan wang diperuntukkan meliputi belanja mengurus RM2.01 bilion bersamaan 75.6 peratus dan RM65 juta atau 24.4 peratus untuk pembangunan ibu kota.

“Anggaran hasil 2024 dijangka meningkat kepada RM2.31 bilion berbanding RM2.08 bilion pada 2023, iaitu kenaikan 11 peratus,” katanya di sini, kelmarin.

Pecahan dana mengurus

Kamarulzaman berkata, dana mengurus terbahagi kepada lima komponen utama, manakala peruntukan pembangunan untuk melaksanakan projek pembangunan, pembelian dan penggantian aset modal tahun depan.

“Antara lima komponen utama dalam peruntukan mengurus termasuk RM503.6 juta bagi gaji, upahan dan manfaat pekerja RM68.5

juta disediakan bagi bayaran lebih masa dan RM1.32 bilion bagi peruntukan perkhidmatan dan bekalan.

“Aspek pembangunan pula meliputi pembiayaan oleh DBKL sebanyak RM569.7 juta, manakala RM77 juta pembiayaan kerajaan dan agensi lain,” katanya.

Beliau berkata, Belanjawan DBKL 2024 ialah bajet defisit RM275.9 juta namun bagi mengimbangnya, DBKL mengambil pendekatan meningkatkan hasil melalui penjanaaan hasil baharu.

“DBKL mengambil inisiatif dengan penjanaaan hasil baharu seperti pengenaan pelbagai bayaran perkhidmatan yang disediakan oleh DBKL dan memperkasa kutipan kaedah kutipan tunggakan hasil.

“Selain itu, DBKL akan turut memperkasa kaedah pengutipan hasil seperti pembayaran ansuran tunggakan cukai takiran melalui kad kredit tanpa faedah dan pelaksanaan kutipan tunggakan sepanjang tahun,” katanya.

Menurutnya, belanjawan itu turut merangkumi 11 program utama termasuk mitigasi banjir dengan peruntukan RM170.5 juta dan projek rumah majlis berjumlah RM125 juta.

“Anggaran hasil 2024 dijangka meningkat kepada RM2.31 bilion berbanding RM2.08 bilion pada 2023, iaitu kenaikan 11 peratus”

Kamarulzaman Mat Salleh,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

